

KOSMO! JUMAAT (25 FEB 2011), MIS. 3

Selangor Mingguan

Tunggal raihan - Berita Harian

Saifuddin temui dua kumpulan pelajar

PUTRAJAYA – Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Saifuddin Abdullah semalam menemui dua kumpulan mahasiswa Universiti Putra Malaysia (UPM) ekoran pergaduhan yang berlaku semalam berhubung pilihan raya kampus.

“Dalam kedua-dua pertemuan berasingan itu, saya menekankan pilihan raya kampus seharusnya dijadikan medan terbaik untuk memberikan pendidikan politik dan demokrasi kepada mahasiswa.

“Pendidikan politik dan demokrasi ini seharusnya merintis ke arah amalan demokrasi yang lebih matang di negara ini,” katanya di sini semalam.

Kekecohan itu berlaku apabila sekumpulan 200 pelajar Pro-Mahasiswa (Pro-M) bertindak mengadakan demonstrasi selama hampir 17 jam memprotes tindakan Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) membantalkan kemenangan 11 calonnya.

Demonstrasi yang bertujuan meminta penjelasan daripada Timbalan Naib Canselor HEP UPM kemudian menjadi tidak terkawal, mengakibatkan pintu kaca untuk ke bangunan pentadbiran HEP pecah ditempuh.

Saifuddin berkata, kementerian bersikap berkecuali dan tidak memihak kepada



KERATAN Kosmo!
semalam.

mana-mana kumpulan mahasiswa atau individu yang bertanding dalam pilihan raya kampus.

Bagaimanapun, beliau menyifatkan tindakan pihak universiti itu membantalkan kemenangan sekumpulan mahasiswa tersebut hanya kerana mereka berkempen secara kumpulan sebagai tidak wajar, tambahan pula

tindakan itu dibuat tanpa memberi peluang kepada pihak terbabit membela diri.

Sementara itu, kemenangan 11 kerusi oleh Pro-M pada pilihan raya kampus UPM Isnin lalu kekal selepas bantahan pembatalan kemenangan tersebut ditolak oleh Jawatankuasa Induk Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP).

Timbalan Naib Canselor HEP UPM, Prof. Dr. Mohd. Fauzi Ramli berkata, bantahan itu adalah antara tiga bantahan yang ditolak kerana dua daripadanya tidak berasas dan di luar skop Pemilihan MPP UPM 2011 sementara satu bantahan diketepikan kerana kesalahan teknikal.